PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
No. 20, MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR
ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Laman Web: http//www.lpp.gov.my
E-mail: info@lpp.gov.my
E-mail Bahagian: lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL: 03-2610 9600 FAX: 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LPP(B) 5/6 Jld. 7 (24)
Tarikh : 3 Ogos 2015

Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri .....

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Pengurus Besar
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 6 TAHUN 2015
DASAR PELABURAN EKUITI DAN ANAK SYARIKAT PERTUBUHAN PELADANG

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Bersama-sama ini disertakan Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 6 Tahun 2015 – Dasar Pelaburan Ekuiti Dan Anak Syarikat Pertubuhan Peladang untuk perhatian dan tindakan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan selanjutnya.

3. Sukacita dapat pihak Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan mencetak secukupnya untuk diedarkan kepada semua PP di bawah penyeliaan Y. Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan.

4. Sekiranya ada sebarang pertanyaan berkenaannya, sukacita menghubungi Unit Penyeliaan Pengurusan, Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan, Ibu Pejabat LPP di talian 03-2610 9600.

2/...

Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan

LPP(B) 5/6 Jld. 7 (24)
3 Ogos 2015

Sekian, terima kasih.

Tema MAHA International dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2014
"AGROTEKNOLOGI PEMANGKIN TRANSFORMASI"

"JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH"

Saya yang menurut perintah,

(MOHAMMAD NAZZERI BIN RAMLI)
Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan
b.p Pendaftar
Pertubuhan Peladang

s.k : Y. Bhg. Dato' Mohd Arif bin Ab Rahman
Ahli Jemaah Pengarah
Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
Merangkap Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya.

Setiausaha Tetap,
Kementerian Permodenan Pertanian Sarawak,
Merangkap Wakil Pendaftar Pertubuhan Peladang
Bagi Negeri Sarawak

Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Pengarah Bahagian .....

Urusetia Ketua Pengarah .....

Pegawai Peladang Daerah.....

Fail Arahan Pendaftar/ M.NAZZERI/Faiz/4.8.2015

LPP (B) 5/6 Jld.7 (23)
3 Ogos 2015

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG
BILANGAN 6 TAHUN 2015

DASAR PELABURAN EKUITI DAN ANAK SYARIKAT PERTUBUHAN PELADANG

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk :

1.1 Menjelaskan dasar – dasar pelaburan ekuiti dan penubuhan anak syarikat Pertubuhan Peladang (PP).

1.2 Menerangkan proses pengawalan dan pengawasan Pendaftar terhadap operasi syarikat-syarikat berkenaan.

1.3 Menerangkan kaedah permohonan penyertaan ekuiti dan/atau penubuhan anak syarikat kepada Pendaftar oleh PP.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Seksyen 6(2) Akta Pertubuhan Peladang 1973 membenarkan PP menceburi pelaburan ekuiti syarikat dan/atau menubuhkan anak syarikat dengan kelulusan Pendaftar. Pendaftar diantara lain diberi kuasa :

a) Memberi kelulusan penubuhan anak syarikat atau penyertaan ekuiti dalam mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan oleh PP.

b) Pendaftar dalam memberikan kelulusan tersebut di atas boleh mengenakan apa-apa syarat yang difikirkan patut.

2.2 Seksyen 6(3) Akta Pertubuhan Peladang 1973, Pendaftar boleh membuat apa-apa perintah secara bertulis kepada PP bagi mengawal selia anak syarikat dibawah PP itu.

3. PUNCA KUASA

3.1 Seksyen 6(2) Akta Pertubuhan Peladang 1973 :

"Sesuatu Pertubuhan Peladang tiada boleh menubuhkan apa-apa syarikat atau menyertai ekuiti mana-mana usaha perdagangan atau perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada Pendaftar, dan Pendaftar boleh, pada memberikan kelulusan sedemikian, mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut"

3.2 Seksyen 6(3) Akta Pertubuhan Peladang 1973 :

"Tanpa menjejaskan kuasa yang diberikan kepada Pendaftar dalam subseksyen (2) Pendaftar boleh, melalui perintah secara bertulis, mengehadkan, mengenakan syarat ke atas atau mengawal selia sesuatu Pertubuhan Peladang untuk memastikan kecekapan dan untuk mengelakkan penduaan, fungsi Pertubuhan Peladang itu"

4. DASAR

Pendaftar, di atas kuasa di bawah Seksyen 6(2) menetapkan bahawa prosedur dan dasar pelaburan ekuiti dan anak syarikat PP adalah seperti berikut :

4.1 Bidang aktiviti

Keutamaan diberikan kepada bidang-bidang yang telah ditetapkan di dalam Korporat Institusi Peladang yang memberi penekanan terhadap keseimbangan aktiviti ekonomi dan sosial bagi memenuhi keperluan, kehendak dan pulangan yang berkesan kepada kumpulan sasar, iaitu ahli peladang. Bidang-bidang tersebut adalah seperti berikut :

a)	Pengeluaran	f)	Kejenteraan
b)	Pemasaran	g)	Logistik
c)	Pemerosesan	h)	Harta Tanah
d)	Perniagaan	i)	Pembinaan
e)	Kewangan	j)	Pembekalan Benih

Bidang-bidang tersebut disifatkan sebagai aktiviti dan penglibatan utama dan pemilikan saham PP adalah majoriti.
Bidang-bidang lain yang juga dijalankan adalah mempunyai ciri-ciri :

a) Kemahiran yang khusus
b) Berteknologi tinggi
c) Peluang pemasaran yang luas terbuka
d) Modal yang besar

4.2 Keutamaan Organisasi PP

4.2.1 Pendaftar menetapkan bahawa Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) diberikan keutamaan untuk menguruskan aktiviti ekonomi menerusi penubuhan anak syarikatnya dan/atau menyertai pelaburan ekuiti. Ini disebabkan NAFAS mempunyai ruang pasaran diperingkat national dan global, manakala PPN berupaya menyelaraskan sumber-sumber secara bersama dengan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) masing-masing.

4.2.2 PPK tidak digalakkan untuk menubuhkan anak syarikat. Walaubagaimanapun, PPK boleh mengemukakan permohonan untuk dipertimbangkan dan kelulusan bergantung kepada merit tertentu serta daya maju projek yang dicadangkan seperti berikut :

a) Projek yang mempunyai hubungkait dengan sumber terdekat dan/atau setempat. Contohnya bahan mentah;

b) Projek yang tidak bersaing dalam kawasan yang sama dengan PPK yang lain dan berhadapan dengan pesaing yang lebih besar di kawasan yang berhampiran;

c) Melibatkan diri dalam sesuatu projek yang khusus;

d) Bidang ekonomi yang diceburi tidak akan menjejaskan aliran kewangan PPK berkenaan;

e) Isipadu perniagaan sedia ada adalah besar dan masa kini sukar dipertingkatkan lagi melalui PPK kerana halangan kemampuan pengurusan;

f) Aktiviti mempunyai jangkaan hayat hidup yang berterusan atau tempoh yang berpatutan untuk menyerap segala kos yang terlibat;

g) Kos tambahan khusus kepada anak syarikat seperti cukai, kos *'overhead'* , kos pengurusan dan kos perundingan tidak akan mengurangkan keuntungan aktiviti berkenaan dalam jangka pendek atau jangka panjang; dan

h) Beban kerja dan pengurusan aktiviti berkenaan yang memerlukan pengkhususan dan kepakaran tidak mampu lagi ditanggung oleh PPK.

4.3 Penyertaan Ekuiti

PP dibenarkan menyertai ekuiti kepada syarikat-syarikat yang berdaftar/berlesen setelah kebenaran Pendaftar PP diperolehi. Syarikat berkenaan hendaklah dibuktikan mempunyai profil, kedudukan operasi dan kewangan yang kukuh serta berdaya maju.

4.4 Kajian Daya Maju *(Viability)*

Kelulusan penubuhan anak syarikat dan/atau menyertai pelaburan ekuiti bergantung kepada penilaian kajian daya maju yang dikemukakan oleh PP yang memohon. PP hendaklah menunjukkan aktiviti–aktiviti yang dipilih memberi faedah dan pulangan yang memuaskan.

4.5 Penggunaan Nama 'Pertubuhan Peladang'

Nama 'Pertubuhan Peladang' adalah satu gelaran nama yang terdaftar di bawah Seksyen 19(1) Akta Pertubuhan Peladang 1973. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana individu, organisasi atau kumpulan menggunakan nama sama ada sebahagian atau keseluruhannya tanpa kebenaran Menteri. Oleh itu bagi tujuan penyertaan ekuiti dan penubuhan anak syarikat PP, penggunaan nama 'Pertubuhan Peladang' hanya boleh digunakan dalam keadaan berikut :

a) PP memiliki pegangan ekuiti atau saham majoriti; atau
b) Pegangan saham atau ekuiti penuh oleh PP.

4.6 Tawaran Ekuiti

Sesebuah anak syarikat PP hendaklah bersedia membuat tawaran ekuiti kepada mana-mana PP lain atau sesebuah perbadanan yang ditubuhkan oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), anak-anak syarikatnya dan kepada pekerja-pekerja syarikat yang ditubuhkan oleh PP berkenaan.

4.7 'Golden Share'

4.7.1 Jika LPP ada memberikan bantuan pembangunan, pengurusan, perundangan dan khidmat kepakaran di dalam penubuhan anak syarikat PP, LPP hendaklah diperuntukkan saham istimewa yang dinamakan *'Golden Share'* yang mana skop kuasanya ditentukan oleh Pendaftar dan dimaktubkan dalam 'Memorandum of Association' dan 'Articles of Association' syarikat.

4.7.2 Bagi anak syarikat PP yang telah ditubuhkan di mana LPP telah memberikan bantuan seperti dinyatakan di atas, perbincangan diantara LPP dan PP hendaklah dibuat bagi menentukan skop kuasa yang akan diperuntukkan kepada LPP dan tarikh penguatkuasaannya bagi mematuhi perenggan 4.7.1 di atas.

4.8 Penempatan Pegawai LPP

4.8.1 Sebagai Pegawai Pinjaman *(Secondment)* Syarikat

Ketua Pengarah boleh membenarkan pegawai-pegawai LPP bertugas secara pinjaman di anak syarikat PP dengan syarat LPP mempunyai kepentingan di anak syarikat PP berkenaan.

4.8.2 Setiausaha Syarikat

Ketua Pengarah atau Pendaftar boleh membenarkan pegawai LPP yang bertauliah atau satu perbadanan atau syarikat yang ditubuhkan oleh LPP sebagai Setiausaha Syarikat.

4.9 Penyeliaan dan Kawalan

4.9.1 Penyeliaan dan Pemeriksaan oleh Pendaftar atau Wakil Pendaftar

Membenarkan Pendaftar dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar untuk menyelia dan memeriksa perjalanan anak syarikat PP.

Oleh demikian, Pendaftar dan/atau orang yang diberi kuasa oleh Pendaftar diberi kuasa untuk:

a) Mendapat akses terhadap rekod-rekod, dokumen-dokumen dan segala buku-buku yang disimpan oleh syarikat PP.

b) Memanggil untuk penjelasan mana-mana pegawai yang mempunyai akses terhadap rekod atau menyimpan apa-apa maklumat yang berkaitan dengan perjalanan syarikat.

4.9.2 Tahun Kewangan, Laporan Audit dan Laporan Kewangan

Tempoh tahun kewangan anak syarikat milik penuh PP adalah berakhir pada tiap-tiap 31 Disember dan penyata kewangan beraudit anak syarikat hendaklah disatukan bersama Laporan Audit PP. Manakala bagi syarikat bukan milik penuh PP, Penyata Kewangan hendaklah dilampirkan bersama Laporan Audit PP apabila pengauditan berkanun PP dikemukakan kepada Pendaftar untuk kelulusan.

4.9.3 Laporan Syarikat

Pengarah-pengarah yang mewakili PP dalam anak syarikat hendaklah melaporkan kegiatan atau aktiviti atau prestasi syarikat kepada PP dalam Mesyuarat Jemaah Pengarah, dan seterusnya melalui Pengurus Besar PP hendaklah melaporkan kepada Pendaftar. Manakala Ketua Eksekutif bagi anak syarikat milik penuh PP atau syarikat di mana PP mempunyai ekuiti majoriti hendaklah juga membuat laporan kepada Jemaah Pengarah PP, melalui Pengurus Besar PP.

4.9.4 Keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat

Ahli Lembaga Pengarah (ALP) bagi syarikat yang dimiliki oleh PP atau kumpulan PP tertentu mesti terdiri tidak lebih daripada lima (5) orang.

Pelantikan ALP adalah seperti berikut :

a) Dua (2) orang wakil ALP dikalangan Ahli Jemaah Pengarah PP

b) Satu (1) orang wakil ALP daripada pengurusan PP

c) Dua (2) orang wakil ALP lantikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Perintah Khas KP/MP/322/2 Jilid 1/2015 (21) bertarikh 14 Julai 2015.

d) Bagi pelaburan ekuiti dalam syarikat-syarikat luar (JV) di mana PP berkenaan hanya ditawar satu jawatan, maka jawatan tersebut hendaklah diisi oleh Pengurusan PP. Jika dua (2) atau lebih, jawatan ALP itu ditawarkan maka sekurang-kurangnya satu (1) orang hendaklah terdiri daripada Ahli Jemaah Pengarah dan bakinya terdiri daripada lantikan Menteri atau Ahli Jemaah Pengarah.

e) Seseorang Pengarah atau Pekerja PP boleh menduduki tidak lebih dari dua (2) jawatan Lembaga Pengarah dalam anak syarikat di mana PP mempunyai pelaburan.

f) Tempoh maksimum menduduki jawatan Lembaga Pengarah bagi wakil PP dan lantikan Menteri adalah dua (2) tahun iaitu sehingga Mesyuarat Agung Tahunan PP.

g) Menteri berhak menamatkan pelantikan mana-mana Pengarah Lantikan Menteri pada bila-bila masa tanpa apa-apa sebab.

4.9.5 Perlantikan Pengerusi Syarikat

a) Perlantikan pengerusi bagi syarikat yang dimiliki oleh PP atau kumpulan PP tertentu atau syarikat usahasama (JVC) dimana jawatan pengerusi diperuntukan kepada PP, hendaklah dibuat dengan persetujuan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

b) Pengerusi syarikat sepertimana dipara 4.9.5(a) di atas boleh memegang jawatan pengerusi tidak lebih dari dua (2) syarikat.

c) Sementara menunggu persetujuan perlantikan pengerusi oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Lembaga Pengarah boleh melantik pengerusi sementara di kalangan Lembaga Pengarah.

d) Tempoh maksimum menduduki jawatan pengerusi adalah dua (2) tahun dan Menteri berhak menamatkan jawatan pengerusi pada bila-bila masa tanpa apa-apa sebab.

4.9.6 Pemberian Sebarang Bentuk Insentif Kewangan dan Bukan Kewangan Termasuk Honorarium/Saguhati/Ex-Gratia/Faedah Percutian.

Pemberian Insentif Kewangan Termasuk Honorarium/Saguhati/Ex-Gratia/Faedah Percutian boleh dibuat kepada ALP Syarikat dengan syarat-syarat berikut :

a) Syarikat hendaklah mempunyai keuntungan yang kukuh yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dibuat oleh syarikat secara langsung. Bayaran hanya boleh dibuat sekiranya syarikat mempunyai keuntungan sahaja.

b) Sebelum apa-apa bayaran insentif dibuat, butir-butir berkenaan bayaran yang dicadangkan oleh ALP Syarikat mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Ahli Jemaah Pengarah PP dan Mesyuarat Agung Tahunan PP bagi syarikat milik penuh PP dan bagi syarikat usahasama hendaklah mendapat kelulusan Mesyuarat Agung Syarikat.

c) Pembayaran dividen perlu dibuat terlebih dahulu kepada *stake holder* sebelum insentif dibayar kepada ALP Syarikat

d) Bayaran mestilah tidak melebihi jumlah elaun yang diterima oleh Pengarah dalam tempoh dua (2) tahun sebelumnya. Had bayaran adalah sekali bagi sekali/satu (1) penggal perkhidmatannya atau dua (2) tahun

4.9.7 Pelantikan Pengarah Urusan dan Kakitangan Pengurusan Syarikat

Syarikat boleh melantik Pengarah urusan dan kakitangan pengurusan syarikat dari kalangan anggota Pengurusan PP dengan syarat:

a) dia tidak boleh dalam masa yang sama memegang jawatan pengurusan dalam PP atau mana-mana PP yang lain.

b) dia tidak memegang jawatan pengurusan dalam mana-mana anak syarikat PP atau LPP atau anak syarikat mana-mana PP yang lain.

c) dia tidak berkhidmat sepenuh masa di tempat lain.

4.9.8 Pendaftar berkuasa untuk mengenakan apa-apa syarat, kaedah dan panduan baru dan tambahan dari semasa ke semasa terhadap kebenaran penyertaan ekuiti dan penubuhan anak syarikat untuk menjaga kepentingan PP dan ahli-ahli.

5. KAEDAH MEMOHON MENYERTAI EKUITI SYARIKAT DAN ATAU MENUBUHKAN ANAK SYARIKAT OLEH PERTUBUHAN PELADANG

Bagi menyelaras dan menyeragamkan permohonan PP untuk menyertai pelaburan ekuiti syarikat swasta dan/atau menubuhkan anak syarikat, kaedah-kaedah berikut ditetapkan :

5.1 Setiap permohonan pelaburan ekuiti dan/atau penubuhan anak syarikat hendaklah dikemukakan dan dialamatkan kepada :

Pendaftar
Pertubuhan Peladang
d/a Lembaga Pertubuhan Peladang
No.20 Jalan Sultan Salahuddin
50480 Kuala Lumpur
(u.p: Bahagian Penyeliaan dan Penguatkuasaan)

5.2 Surat rasmi permohonan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jemaah Pengarah PP dan dikemukakan melalui Lembaga Pertubuhan Peladang di negeri berkenaan atau MADA atau KADA atau Wakil Pendaftar bagi Sabah.

5.3 Surat rasmi tersebut hendaklah menyatakan dengan jelas tujuan samada:

a) Pelaburan ekuiti dengan syarikat swasta iaitu penyertaan dan pemilikan saham PP kurang daripada 50 peratus dan/atau;

b) Penubuhan anak syarikat iaitu pemilikan ekuiti saham PP adalah majoriti (lima puluh satu peratus daripada jumlah saham syarikat);

c) Usahasama dengan menyatakan nisbah ekuiti PP dan syarat-syarat perjanjian, syer keuntungan, kerugian, pelaksanaan operasi serta kepentingan PP.

5.4 Jika terdapat satu atau lebih PP yang terlibat menyertai pelaburan ekuiti dan/atau penubuhan anak syarikat, semua PP berkenaan hendaklah mengemukakan permohonan masing-masing secara berasingan untuk mendapatkan kelulusan pelaburan di bawah Seksyen 6(2) Akta Pertubuhan Peladang 1973 dan Peraturan 55 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dengan menggunakan borang berkaitan yang telah ditetapkan.

5.5 Jika usaha-usaha menyertai ekuiti dan/atau penubuhan syarikat oleh PP melibatkan pinjaman luar, permohonan had kuasa hendaklah dikemukakan bersama dengan menggunakan borang berkaitan yang tetapkan.

5.6 Setiap permohonan hendaklah menyertakan bersama perkara-perkara berikut :

a) Minit atau cabutan minit Mesyuarat Jemaah Pengarah PP yang sah; dan

b) Minit atau cabutan minit Mesyuarat Agung Perwakilan yang sah.

5.7 Setiap permohonan hendaklah dikepilkan bersama dengan dua (2) salinan kertas konsep yang lengkap yang mengandungi perkara berikut :

a) Tujuan-tujuan utama penyertaan ekuiti dan/atau penubuhan syarikat.

b) Maklumat-maklumat asas :

i) Nama Syarikat;

ii) Struktur modal iaitu jumlah saham dibenar dan saham dibayar; dan

iii) Nisbah saham yang diwakili oleh PP dan syarikat terlibat ;

iv) Bilangan ALP Syarikat yang dicadangkan oleh pihak PP dan syarikat terlibat dan maklumat ALP seperti nama, umur, pekerjaan, jantina, kad pengenalan dan lain-lain;

v) Aktiviti-aktiviti utama yang dijalankan.

c) Laporan daya maju yang mengandungi syer pasaran, peluang-peluang perkembangan, kajian teknikal, status kemahiran, pengurusan pekerja, struktur organisasi, belanjawan modal dan aliran tunai, unjuran projek atau aktiviti, kajian risiko dan persaingan.

d) Draf perjanjian yang disediakan atau telah disemak oleh peguam atau Setiausaha Syarikat yang dilantik oleh PP serta telah disemak oleh LPP Negeri/Wakil Pendaftar.

5.8 Bagi usaha penyertaan ekuiti dan penubuhan syarikat dengan sesebuah syarikat yang sudah berdaftar, dokumen sokongan yang diperlukan untuk dikepilkan bersama adalah seperti berikut :

a) Laporan 'Carian Syarikat' dari Pendaftar Syarikat;

b) Profil syarikat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun terakhir;

c) Penyata kewangan beraudit beserta Laporan Audit bagi tempoh tiga (3) tahun terakhir;

d) 'Memorandum of Association' dan 'Articles of Association'; dan

e) Laporan Penilaian Syarikat oleh penilai bertauliah jika melibatkan pembelian ekuiti pada harga pasaran terbuka;

f) Draf perjanjian yang disediakan atau telah disemak oleh peguam atau Setiausaha Syarikat yang dilantik oleh PP serta telah disemak oleh LPP Negeri.

5.9 Setiap permohonan hendaklah dibuat melalui dan mendapat ulasan serta perakuan Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri/Wakil Pendaftar berkenaan.

5.10 Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diberikan sebarang pertimbangan. Pendaftar juga berhak menetapkan syarat dan kaedah sampingan yang tidak dinyatakan dalam kaedah ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Arahan Pendaftar ini mulai **3** haribulan **Ogos** Tahun **Dua Ribu Lima Belas.** Dengan berkuatkuasanya Arahan Pendaftar ini, Arahan Pendaftar Bil. 2 Tahun 2000 adalah dibatalkan.

(DATO' ARPAN SHAH BIN SATU)
Pendaftar
Pertubuhan Peladang